

03/10/1999

BN perlukan sokongan majoriti dua pertiga

Azizi Othman in London

LONDON: Barisan Nasional (BN) perlu memastikan ia terus mendapat sokongan majoriti dua pertiga untuk membolehkannya memimpin Malaysia menghadapi apa saja cabaran alaf baru dengan berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mandat kukuh menerusi majoriti besar itu amat penting kerana ia akan membantu memastikan kestabilan politik yang membolehkan kerajaan membuat keputusan.

Menolak dakwaan majoriti dua pertiga diperlukan kerana BN mahu membuat pindaan perlembagaan, Perdana Menteri berkata, sokongan padu rakyat penting kerana ia adalah faktor utama yang menyumbang kepada kemakmuran Malaysia.

"Kita harus sedar, Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum aman, stabil dan berkembang pesat sejak merdeka kerana mempunyai kerajaan kukuh dan kuat khususnya dengan majoriti dua pertiga di peringkat Kerajaan Pusat.

"Jika kerajaan lemah dan mempunyai majoriti dua atau tiga kerusi saja, kita tidak akan boleh ambil tindakan apa-apa," katanya dalam sesi dialog dengan warga dan penuntut Malaysia di sini, kelmarin.

Dr Mahathir berada di sini dalam program lawatan peribadi dua hari selepas menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) di New York.

Beliau yang tiba di sini Khamis lalu, sempat melawat ke beberapa lokasi termasuk pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) Frazer-Nash di Surrey serta Millenium Dome di Greenwich.

Dr Mahathir yang menghabiskan masa lebih dua jam menjawab pelbagai soalan dalam sesi dialog itu, berlepas ke Victoria Falls, Zimbabwe, malam ini bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Arfika Selatan.

Mengulas lebih lanjut pentingnya majoriti dua pertiga bagi BN, Perdana Menteri berkata, tanpa sokongan sekukuh itu, kerajaan tidak mungkin dapat berbuat seperti apa yang dibuatnya ketika ini.

Dr Mahathir berkata, satu daripada contohnya ialah bagaimana kerajaan boleh menentang Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dengan tidak mengikut cara yang disyorkan bagi menangani kegawatan ekonomi.

"Kita diancam dunia yang mengatakan bahawa kita keras kepala sebab tak ikut cara yang orang lain buat.

"Untuk kerajaan membuat sesuatu yang bertentangan dengan apa yang dikatakan 'conventional wisdom' ini adalah amat susah melainkan kita kuat seperti yang kita ada hari ini.

"Oleh itu kita dapat tahan daripada ancaman ini dan buat kawalan modal terpilih walaupun kita dikritik oleh IMF, Bank Dunia, Amerika Syarikat malah banyak pakar dari institusi terkemuka dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka menyatakan apa yang dilakukan Malaysia itu tidak betul dan negara akan hancur, tetapi hari ini, kita sudah membuktikan bahawa kita boleh menentukan nasib kita dan apa yang dibuat itu berkesan.

"Sekarang, kita (BN) mempunyai majoriti lebih 80 peratus dan ia cukup baik. Kali ini, kalau tidak boleh dapat sama pun, sekurang-kurangnya kita mesti dapat 66.66 peratus iaitu dua pertiga sebab kita mahu kestabilan.

"Inilah satu sebabnya mengapa bagi kerajaan, kalau menang saja tidak cukup tetapi perlu menang dengan majoriti besar, iaitu sekurang-kurangnya dua pertiga," katanya.

Selain itu kata Perdana Menteri, kerajaan yang lemah atau mempunyai majoriti kecil tidak akan mampu mengambil sebarang tindakan kerana apa

saja yang dibuat pasti akan menerima bangkangan, termasuk daripada anggota kerajaan sendiri.

"Bila ada majoriti satu atau dua kerusi sahaja, dua tiga orang ugut untuk lompat jadi pembangkang, kita sudah tidak berani buat sebab takut kita jatuh dan tidak lagi menjadi kerajaan.

"Jika mempunyai dua pertiga majoriti setakat dua tiga orang atau satu parti pun mahu menyertai pembangkang, kerajaan tidak jatuh dan ini secara tidak langsung menyebabkan mereka tidak berani bertindak begitu," katanya.

Menurut Dr Mahathir, BN yang mempunyai 14 komponen juga adalah baik kerana mempunyai banyak parti anggota adalah lebih mudah daripada sedikit yang sering terdedah kepada risiko ugutan.

Jika mempunyai dua parti contohnya, yang kecil akan sering mengugut yang besar untuk keluar daripada komponen dan menjadi pembangkang menyebabkan mereka menguasai parti yang lebih besar itu.

Selain itu, majoriti dua pertiga juga diperlukan oleh BN bagi membolehkannya terus membuat keputusan yang tidak popular tetapi penting demi pembangunan dan kesejahteraan negara.

Dr Mahathir juga mengambil kesempatan dalam sesi dialog itu untuk menasihatkan semua yang hadir mengenai pentingnya setiap orang berfikir mengenai kesan terhadap sebarang tindakan mereka.

"Pada saya, perkara paling penting ialah dalam apa saja yang kita mahu buat, fikirkanlah kesannya terhadap negara supaya kita tidak mudah diperkotak-katikan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah merasa peritnya hidup dijajah dan tidak sanggup membiarkan Malaysia kembali ke dalam belenggu dan terpaksa akur dengan telunjuk pihak lain.

(END)